

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 5 TAHUN 2026

PERWAKILAN KUASA KEPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN DI BAWAH SEKSYEN 8 AKTA PERWAKILAN KUASA 1956 DAN SEKSYEN 13 KANUN TANAH NEGARA 1965 BAGI TUJUAN MEMBERIKAN KELULUSAN PINDAHMILIK DI BAWAH SEKSYEN 13A ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930, SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938 , SEKSYEN 120 DAN SEKSYEN 433B KANUN TANAH NEGARA 1965 BAGI :

- i) Orang-Orang Bukan Melayu Dari Ibu/Bapa Kepada Anak dan sebaliknya;
- (ii) Orang-Orang Bukan Melayu Dari Datuk/Nenek Kepada Cucu dan sebaliknya;
- (iii) Orang-Orang Bukan Melayu Dari Suami kepada Isteri dan sebaliknya;
- (iv) Orang-Orang Melayu Dari Ibu/bapa kepada Anak dan sebaliknya;
- (v) Orang-Orang Melayu Dari Datuk/Nenek Kepada Cucu dan sebaliknya;
- (vii) Orang-Orang Melayu Dari Suami Kepada Isteri dan sebaliknya.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 3/2026 yang bersidang pada 10 Februari 2026 telah membuat keputusan mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan di bawah Seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956 dan Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan KN. PU.No.1195 bertarikh 28 Mei 2026 sebagaimana yang dilampirkan bersama-sama ini bagi melaksanakan tugas-tugas berikut:

(1) Pegawai	(2) Peruntukan	(3) Syarat-syarat dan sekatan-sekatan
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan	(i) Seksyen 120 dan Seksyen 433B Kanun Tanah Negara 1965 (ii) Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 . (iii) Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938	Kuasa meluluskan permohonan pindah milik tanah di bawah peruntukan yang dinyatakan bawah Ruang (2) bagi : i) Pindah milik tanah dari Ibu/Bapa Kepada Anak dan Sebaliknya; ii) Pindah milik tanah dari Datuk/ Nenek Kepada Cucu dan sebaliknya ; iii) Pindah milik tanah dari Suami kepada Isteri dan sebaliknya;

2. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



.....
DATO' HAJI NIK RAISNAN BIN HAJI DAUD, *D.P.S.K.,P.M.K.(Kelantan)*

**PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.**

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YBM. Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Pengarah Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

**BLOK 3,KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.**

NO FAIL : PTG.KN.(S).1/3/2

BERTARIKH : 09 Muharam 1448H bersamaan

25 Jun,2026.